

**SUMBER EKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI KAUM
TEMIAR DI KUALA BETIS, GUA MUSANG, KELANTAN**

NURUL FASIHAH BINTI SUBAKIR

C08A069

**PROJEK PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2011
KELANTAN**

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tarikh

NURUL FASIHAH BINTI SUBAKIR

C08A069

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

**Sekalung Budi Seungkap Bahasa
Orang Berbudi Kita Berbahasa
Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang.**

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad s.a.w dan keluarganya. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, dengan kudrat iradat-Nya, dengan berkat keizinan-Nya dan dengan titisan Ilmu-Nya juga dapat saya menyiapkan kajian yang bertajuk '*Sumber Ekonomi Masyarakat Orang Asli Kaum Temiar Di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan.*

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ayahanda Dato' Hj.Adi bin Hj.Taha yang pada awalnya menjadi Penyelia Utama yang sentiasa prihatin dan penuh ketelitian memberi dorongan, tunjuk ajar, bimbingan dan memberikan pelbagai idea bernas sehingga terhasilnya kajian ini. Sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Cik Hafizah binti Anuar yang mulanya sebagai Penyelia Kedua dan kemudian menjadi Penyelia Utama menggantikan Dato' Hj.Adi bin Hj.Taha yang banyak memberikan tunjuk ajar dan tidak jemu-jemu membimbang serta membantu membetulkan kesilapan pengkaji sehingga selesaiinya kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pegawai- pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Kuala Betis yang banyak bekerjasama dan membantu saya dalam pelbagai hal bagi memantapkan kajian ini.

Dedikasi yang tidak terhingga kepada para Abi dan Ummi, para Atuk dan Nenek, Abah dan Ummi, juga para Ikhwan, yang aku jejaki perjuangannya kerana doa daripada tangan-tangan mereka memudahkan urusan, mencetus titisan lantas melahirkan cebisan kajian. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada ibu yang tersayang Hjh.Ponyiah binti Selamat dan bapa yang banyak berkorban Hj.Subakir bin Hj. Hamzah yang amat prihatin dan memberi suntikan semangat serta doa yang sentiasa tidak pernah putus. Terima kasih yang mewangi indah buat tunangku tercinta Mohd Hakimi bin Mahmud, yang memahami dan mengerti dan menjadi penyokong paling setia, pemberi ketenangan setiap masa walaupun dalam keperitan, penderitan dan kepayahan tetap berkorban dengan rela tanpa jemu. Cebisan hasilan akan menjadi teladan dan dorongan kepada adik-beradikku yang dirindui Siti Nu'ur Azwan, Mohd Nu'ur Akmal, Muhammad Syafiq dan Nurun Najihah. Tidak ketinggalan juga kepada sahabat-sahabatku yang kasihi sentiasa memberikan dorongan, semangat, bimbingan yang tidak pernah jemu dan kepada temanku Tuan Zuraimi bin Tuan Mohamad yang sentiasa menemani ketika susah dan senang sehingga dapat menjayakan kajianku dengan sempurna.

ABSTRAK

Kajian ini dibuat ke atas sumber ekonomi masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti sumber pendapatan, jenis-jenis sektor pekerjaan dan mengenalpasti purata jumlah pendapatan sebulan masyarakat Orang Asli kaum Temiar. Gabungan kaedah lapangan seperti borang soal selidik, temubual, pemerhatian dan perpustakaan pula seperti buku, kajian kes sorotan terdahulu dan sebagainya. Sumber ekonomi masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan masih lagi menjalankan aktiviti pertanian saradiri. Aktiviti pertanian yang mereka masihkekalkan sehingga sekarang adalah sistem berpindah-randah. Antara aktiviti pertanian adalah berkebun, bercucuk tanam seperti tanaman padi bukit, ubi kayu, ubi keledek, jagung, sayur-sayuran hijau yang lain dan sebagainya. Selain daripada itu, Mereka menjalankan aktiviti memungut hasil hutan seperti mencari rotan, kayu gaharu, akar-akar kayu dan daun-daun herba yang diperolehi daripada hutan-hutan sekitar Kuala Betis. Mereka juga memperolehi sumber makanan daripada hasil buruan seperti rusa, ayam hutan, burung dan sebagainya. Masyarakat Orang Asli kaum Temiar ini juga terdiri daripada kakitangan kerajaan iaitu berkhidmat sebagai sebagai guru, pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan sebagainya. Tinjauan ke tapak dan perpustakaan membantu pengkaji mendapatkan dan melihat sesuatu atau maklumat dengan lebih tepat.

MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

This study was made of the economic resources of society Otto Harassowitz Aboriginal people in Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. The objective of the study is to identify sources of income, types of employment sectors and identify the average monthly income communities Otto Harassowitz Aboriginal people. The combination of field methods such as questionnaires, interviews, observation and library, like books, case studies and the previous highlights. Economic resources of society Otto Harassowitz Aboriginal people in Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan still saradiri agricultural activities. Agricultural activity that they still retain up to now is a system of semi-nomadic. Among the agricultural activities are gardening, farming, such as hill paddy, cassava, sweet potatoes, corn, green vegetables, other, and so on. In addition, they carry out activities such as finding the gathering of forest products rattan, wood, wood, roots and leaves of the herb derived from the forests around Kuala Betis. They also get pure food sources of revenue such as deer, partridge, birds and so on. Otto Harassowitz Aboriginal community people are also made up of civil servants that served as a teacher, a Department of Aboriginal Affairs (JHEOA) and others. The survey sites and libraries to help researchers get to see something or information more accurately.

MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix

BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.1.1 Suku Kaum Senoi	3
	1.1.2 Aktiviti Ekonomi	7
	1.2 Objektif	8
	1.3 Penyataan Masalah	8
	1.4 Rangka Kerja Teoritikal	10
	1.5 Kepentingan dalam Kajian	11
	1.6 Batasan Kajian	12
	1.7 Skop kajian	12
	1.8 Terminologi	12
	1.9 Struktur dalam Kajian	13
	1.10 Kesimpulan	14

BAB 2	ULASAN KAJIAN TERDAHULU	
	2.1 Pengenalan	15
	2.2 Latar Belakang Kajian Terdahulu	15
	2.3 Orang Asli di Semenanjung Malaysia	17
	2.4 Aktiviti Ekonomi	20
	2.5 Lokasi	23
	2.6 Kesimpulan	27

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	28
3.2	Rangka Teori	28
3.3	Proses Pengumpulan Data	30
3.3.1	Kaedah Borang Soal Selidik	30
3.3.2	Kaedah Temubual	31
3.3.3	Kaedah Pemerhatian	32
3.3.4	Sumber Pustaka	32
3.4	Lokasi	32
3.5	Kesimpulan	33
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	34
4.2	Latar Belakang Borang Soal Selidik	34
4.3	Analisis Borang Soal Selidik	35
4.3.1	Maklumat Responden	35
4.3.2	Kegiatan Ekonomi	39
4.3.3	Penempatan	48
4.3.4	Pengunaan dan Kemampuan	54
4.3.5	Kepuasan Kehidupan	55
4.4	Temubual	62
4.5	Kesimpulan	63
BAB 5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	64
5.2	Perbincangan	65
5.3	Purata Pendapatan	67
5.4	Cadangan	68
5.5	Kesimpulan	70
BIBLIOGRAFI		73
LAMPIRAN 1		75
LAMPIRAN 2		76
LAMPIRAN 3		77

SENARAI RAJAH

1. Peta kawasan penempatan suku Kaum Senoi	6
2. Analisis jantina	35
3. Analisis umur	36
4. Analisis agama	37
5. Analisis status	38
6. Analisis sumber pendapatan selain daripada bantuan kerajaan	39
7. Analisis tujuan aktiviti melalui kegiatan kerja sendiri dilakukan	42
8. Analisis jenis pekerjaan	44
9. Analisis jumlah pendapatan	46
10. Analisis jenis rumah kediaman	48
11. Analisis rumah yang dibina	49
12. Analisis dinding rumah menggunakan papan	50
13. Analisis rumah menggunakan generator	51
14. Analisis sumber bekalan air	52
15. Analisis rumah mempunyai tandas	53
16. Analisis pengunaan dan kemampuan	54
17. Analisis perbelanjaan bulanan dan tahunan	54
18. Analisis pekerjaan sekarang berbanding dahulu	55
19. Analisis pendapatan sebulan dapat menampung kehidupan harian	56
20. Analisis pelajaran anak-anak terjamin dengan bantuan kerajaan	57

21. Analisis tempat tinggal sekarang amat selesa berbanding dahulu	58
22. Analisis berpuas hati dengan kehidupan sekarang	59
23. Analisis suasana kampung	60
24. Analisis kehidupan sekarang banyak memberikan penyakit	61

SENARAI JADUAL

1. Taburan Penduduk Orang Asli Mengikut Kumpulan Etnik dan Negeri Semenanjung Malaysia 2009	19
2. Taburan Penduduk Orang Asli Mengikut Etnik Tahun 2009	24
3. Demografi Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri, Daerah dan Kumpulan Kaum Serta Rumpun Bangsa Tahun 2009	25

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masyarakat Orang Asli adalah komuniti kecil di Malaysia dan penduduk pribumi negara ini. Orang Asli adalah masyarakat yang mempunyai beberapa suku kaum yang berbeza-beza. Secara rasminya masyarakat Orang Asli dibahagi kepada tiga kumpulan yang terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Melayu. Suku Senoi, Negrito dan Proto-Melayu pula diklasifikasikan kepada enam suku kecil. Disebabkan pelbagai suku kaum di kalangan masyarakat Orang Asli, terdapat banyak perbezaan dari segi cara hidup dan pertuturan bahasa yang digunakan. Kebudayaan dan adat resam mereka juga berbeza-beza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Bilangan mereka yang kecil menyebabkan kedudukan dan kepentingan mereka dalam politik Negara mudah dipinggirkan.

Selain itu, kelompok minoriti ini dilihatkan sebagai berbeza daripada kelompok minoriti kerana diandaikan mempunyai kelainan dari segi fizikal, budaya, ekonomi dan tingkah laku. Mereka dilayan dan dikawal secara negatif oleh kelompok minoriti. Oleh sebab itu mereka terus terpinggir daripada masyarakat aliran perdana. Oleh sebab itu juga, telah banyak kajian yang dijalankan tentang golongan masyarakat Orang Asli di Malaysia ini daripada pelbagai aspek dan dasar-dasar yang boleh meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli perlu dilaksanakan supaya jurang diantara kelompok majoriti dan kelompok minoriti dapat dirapatkan.

Kumpulan Negrito dipercayai sebagai kumpulan yang tertua, tetapi pada masa ini merupakan kumpulan yang terkecil. Kebanyakan daripada mereka tinggal di kaki-kaki bukit di Banjaran Titiwangsa di tengah Semenanjung Malaysia. Mereka ini di bahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil mengikut bahasa pertuturan mereka seperti, kumpulan Kensiu, Kintaq, Lanoh, Jahal, Mendriq dan Bateq. Kumpulan ini sentiasa berpindah-randah dalam menjalankan aktiviti ekonomi seperti memburu binatang dan mengumpul bahab-bahan makanan hutan. Dari segi ekonomi dan sosial kumpulan inilah yang termundur sekali.

Manakala kumpulan yang terbesar sekali ialah kumpulan Senoi. Di dalam kumpulan ini terdapat beberapa kumpulan lain seperti Semai, Temiar, Semoq Beri, Jah Hut, Che Wong dan Mah Meri. Kumpulan Senoi ini dianggap sekeluarga dengan beberapa jenis orang-orang gunung yang didapati di beberapa tempat di Tenggara Asia, misalnya di Borneo. Bahasa yang digunakan berkaitan dengan bahasa non-Khmer dan

banyak dari perkataan-perkataan dipinjam dari Bahasa Melayu. Walaubagaimanapun bagi setiap kumpulan kecil ini mempunyai dialek yang tersendiri.

Secara umumnya, mereka merupakan orang-orang bukit dan tinggal dikawasan yang terletak diantara 4000 hingga 7000 kaki dari paras laut. Mereka mengamalkan aktiviti tanaman secara berpindah randah, memburu dengan menggunakan sumpitan dan mengumpul bahan-bahan makanan hutan.

Seterusnya kumpulan Proto-Melayu, mereka ini terdiri daripada kumpulan kecil seperti Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar. Mereka adalah petani-petani yang telah mula menetap di samping menjalankan aktiviti memburu dan menangkap ikan.

1.1.1 SUKU KAUM SENOI

Kaum Senoi mendiami kawasan lereng Banjaran Titiwangsa serta di sebelah pantai negeri Selangor. Ianya merangkumi kawasan di pedalaman Negeri Perak, Kelantan, Pahang dan Terengganu. Terdapat enam rumpun bangsa yang bernaung di bawah kategori kaum Senoi iaitu Che Wong, Mah Meri, Jahut, Semoq Beri, Semai dan Temiar.

Penempatan rumpun bangsa Temiar yang teramai adalah di daerah Gua Musang, Kelantan yang menganjur hingga ke sempadan Perak dan Kelantan. Pada peringkat awal, mereka membuat rumah seperti keadaan rumah panjang di mana lokasinya ditentukan

oleh Penghulu atau Batin melalui kaedah 'berhalaq'. Kemudian mereka akan mula membina kediaman sendiri setelah sekian lama di rumah panjang tersebut. Mereka menyara kehidupan dengan bercucuk tanam, berburu dan mencari tumbuhan hutan. Kemajuan negara telah merubah cara hidup mereka khususnya dalam bidang ekonomi masa kini, di mana kebanyakannya mengusahakan tanah kebun dan juga bekerja dalam pelbagai sektor yang lain.

Manakala suku bangsa Semai merupakan masyarakat yang paling ramai populasinya di kalangan 18 rumpun bangsa Orang Asli. Kebanyakan mereka menetap di sekitar Banjaran Titiwangsa meliputi Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat. Kehidupan ekonomi mereka ialah berburu, mencari rotan serta buah-buahan hutan.

Selain itu, penempatan rumpun bangsa Semoq Beri sebahagian besarnya adalah di kawasan pinggir Pahang iaitu di daerah Jerantut, Maran, dan Kuantan, manakala selebihnya di daerah-daerah Hulu Terengganu dan Kemaman, Terengganu. Pada masa lalu, mereka juga menjalani kehidupan ala nomad untuk mencari bahan-bahan makanan. Namun kini, hasil daripada ledakan kemajuan negara mereka turut dilimpahi dengan hasil sumber ekonomi yang dikongsi bersama.

Pusat pendudukan bagi rumpun bangsa Jahut adalah di sekitar daerah Temerloh dan Jerantut, Pahang. Kawasan tersebut meliputi Kerdau-Paya Paleng, Paya Mengkuang, Kuala Krau-Penderas, Mendoi, Seboi, Pasu, Piau dan Galong, Temerloh. Manakala di daerah Jerantut, Sungai Kiol dan Kekwel (Kol). Pada ketika dahulu, mereka menyara kehidupan melalui kegiatan mencari rotan dan damar untuk dijual. Di samping itu,

mereka menjalankan aktiviti memburu, menangkap ikan dan mengusahakan ladang untuk kehidupan sara diri.

Seterusnya, Mah Meri bermaksud 'Orang Hutan', manakala dalam istilah, Mah Meri disebut 'bersisik'. Mereka dikatakan berasal dari pulau-pualu di selatan negeri Johor. Rumpun bangsa Mah Meri juga dikenali sebagai 'orang laut' sesuai dengan lokasi penempatan mereka yang berhampiran dengan laut. Justeru, sumber ekonomi utama mereka adalah melalui hasil laut. Mereka juga mula memasuki sektor perladangan di samping kegiatan kebudayaan dan seni kraftangan yang menjadi identiti rumpun bangsa tersebut.

Rumpun bangsa Che Wong tinggal di kawasan daerah Raub dan di Sungai Enggang, Lanchang, Temerloh, Pahang. Mereka juga merupakan masyarakat yang suka berpindah-randah demi untuk mencari kehidupan yang lebih selesa. Hasil daripada kemajuan negara, kini mereka memiliki perkampungan mereka sendiri yang makmur dan selesa, sebagai asas dalam mewujudkan sebuah perkampungan yang menarik lagi menguntungkan. Rujuk rajah 1.1.2.1 menunjukkan peta kawasan penempatan suku kaum Senoi.

MALAYSIA KELANTAN

Rajah 1.1.1.1



Rajah 1.1.1.1 : Peta kawasan penempatan suku kaum Senoi

(Sumber : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Kota Bharu, Kelantan)

1.1.2 AKTIVITI EKONOMI

Ekonomi tradisional bagi Orang Asli adalah berasaskan kepada aktiviti pertanian sara diri. Mereka mengeluarkan hasil tanaman seperti padi huma, sekoi, jagung, ubi, pisang, keladi dan pelbagai jenis sayur-sayuran seperti labu, kacang panjang, timun, kacang bendi dan sebagainya. Di kalangan masyarakat Orang Asli, bertukar-tukar bahan makanan, perkhidmatan dan keperluan-keperluan lain dilakukan secara berkongsi dan sistem barter. Tidak ada urusan secara jual beli dan secara tunai dilakukan. Sistem ekonomi seperti ini telah membantu menjalinkan kemesraan yang lebih akrab di kalangan mereka.

Selain itu, bagi aktiviti memburu dan menangkap ikan merupakan sebahagian daripada aktiviti ekonomi masyarakat Orang Asli. Aktiviti memburu pada dasarnya dilakukan oleh kaum lelaki dan alat pemburuan mereka boleh didapati di dalam hutan. Binatang-binatang seperti monyet, babi hutan, burung, biawak, tupai dan binatang-binatang kecil yang lain diburu untuk makanan harian mereka. Selain daripada sumpitan, jenis perangkap juga digunakan dalam aktiviti memburu bagi masyarakat Orang Asli.

Manakala menangkap ikan merupakan kegiatan penting yang dijalankan oleh masyarakat Orang Asli, di mana ikan merupakan sumber utama protien bagi mereka. Keadah menangkap ikan yang terkenal ialah jerat, lukah, kail, racun akar tuba, tombak, jaring dan menangkap dengan tangan.

Selain daripada menjalankan aktiviti ekonomi bercorak pertanian, anak-anak muda melibatkan diri dalam bidang lain contohnya perkilangan, perniagaan dan perkhidmatan. Ini menunjukkan mereka tidak mahu terus ketinggalan dalam arus

pembangunan dan ingin juga bersaing dengan masyarakat lain. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan taraf sosial mereka sudah mula berubah.

1.2 **OBJEKTIF KAJIAN**

1.2.1 Mengenalpasti sumber pendapatan masyarakat Orang Asli kaum Temiar.

1.2.2 Mengkaji jenis-jenis sektor pekerjaan yang dijalankan bagi setiap masyarakat Orang Asli kaum Temiar.

1.2.3 Mengenalpasti purata jumlah pendapatan sehari-hari / bulanan masyarakat Orang Asli kaum Temiar.

1.3 **PENYATAAN MASALAH**


Ekonomi tradisional bagi masyarakat Orang Asli adalah berasaskan kepada pertanian sara diri. Mereka mengeluarkan hasil tanaman seperti padi huma, sekoi, jagung, ubi, pisang, keladi dan pelbagai jenis sayur-sayuran seperti labu, kacang panjang, timun, kacang bendi, dan sebagainya. Di kalangan masyarakat Orang Asli, bertukar-tukar bahan makanan, perkhidmatan dan keperluan-keperluan lain dilakukan secara berkongsi dan sistem barter. Tidak ada urusan secara jual beli dan secara tunai dilakukan. Sistem ekonomi seperti ini telah membantu menjalinkan kemesraan yang lebih akrab di kalangan mereka.

Namun dalam proses pembangunan luar bandar yang pesat di Malaysia dan penerapan sistem ekonomi kapitalisme kepada masyarakat ini menyebabkan mereka beralih arah dari ekonomi sara diri kepada ekonomi pasaran iaitu pengeluaran untuk mendapatkan wang. Mereka sudah mula meninggalkan pertanian sara diri berpindah kepada pertanian bercorak komersial seperti menanam kelapa sawit, getah dan kopi. Ekonomi saradiri ini pula dijadikan aktiviti sampingan. Mereka memilih apa saja kegiatan ekonomi mengikut musim dan pemasaran. Adakah mereka melakukan lebih dari dua aktiviti dalam masa yang sama menurut Gomes, (1987) yang telah dinyatakan dalam kajian kes Tunisan Binti Senan, (2001/2002:9). Pengkaji ingin melihat adakah sumber pendapatan masyarakat Orang Asli kaum Temiar masih mengekalkan ekonomi tradisional pertanian saradiri atau sebaliknya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.4 RANGKA KERJA TEORITIKAL

Dalam kajian ini membuat kerangka teori tentang segala permasalahan yang cuba dikaji bagi memudahkan proses pencarian dan pengumpulan data yang di perolehi. Selain itu, kerangka teori ini akan digunakan bagi memecahkan setiap bahagian yang besar menjadi kecil dan ia lebih memudahkan pengkaji dalam proses penyelidikan.



1.5 KEPENTINGAN DALAM KAJIAN

Pentingnya kajian ini bertujuan untuk memperolehi maklumat tentang sumber ekonomi masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Selain itu, dari segi bahan ilmiah boleh melihat kepentingannya melalui beberapa aspek :-

- **Kepada individu:** Pengkaji menyampaikan maklumat berguna dan memberi ilmu tentang kegiatan ekonomi masyarakat Orang Asli dan secara tidak langsung juga pengkaji cuba menonjolkan aktiviti-aktiviti yang sering dijalankan dalam masyarakat ini untuk terus hidup.
- **Kepada masyarakat:** Pengkaji mengetengahkan tentang kehidupan masyarakat Orang Asli yang kian terpinggir ini agar dikenali umum. Pengkaji juga ingin menjadikan kegiatan ekonomi masyarakat orang asli ini terus maju dan tidak ketinggalan. Bukan itu sahaja, pengkaji akan merasa berbangga jika masyarakat tahu untuk menyayangi semula kekayaan nilai ekonomi masyarakat Orang Asli. Selain itu juga, masyarakat boleh didedahkan dengan kegiatan sumber ekonomi masyarakat Orang Asli dengan lebih terperincid dan mendalam.
- **Kepada Institusi :** Sebagai sumber ilmu kepada pengkaji lain dan berkongsi pengetahuan serta memberi peluang kepada pengkaji lain untuk mendapatkan sumber ilmunya dan juga boleh diaplikasi kepada masyarakat luar.

1.6 BATASAN KAJIAN

Dalam batasan kajian, pengkaji ingin mengkaji sumber ekonomi masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana, tempat atau kawasan membuat kajian berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji untuk memudahkan pengkaji mengumpulkan maklumat. Selain itu, pengkaji menjalankan kaedah temubual dan soal selidik bagi memudahkan kajian untuk mendapatkan data atau maklumat tentang kehidupan masyarakat Orang Asli.

1.7 SKOP KAJIAN

Dalam skop kajian ini pengkaji hanya membincangkan tentang sumber ekonomi masyarakat orang asli kaum Temiar di Kuala Betis, Gua Musang Kelantan.

1.8 TERMINOLOGI

Orang Asli adalah satu istilah yang digunakan bagi merujuk salah satu daripada kumpulan masyarakat pribumi dan terdapat di Semenanjung Malaysia dan merupakan anggota masyarakat bumiputera di negara ini. Hak dan keistimewaan mereka tertulis dalam Perlembagaan Persekutuan.

Orang-orang Senoi terdiri daripada kumpulan-kumpulan utama iaitu Semai, Temiar, Jahut, Che Wong, Semoq Beri dan Mahmeri. Didapati bahawa orang Senoi adalah daripada keturunan Australoid dan Veddoid (Sri Lanka dan Selatan India) tetapi yang utamanya orang Senoi atau Sakai adalah orang Indonesia, bersaudara dengan orang

Batak di Sumatera dan orang Dayak di Borneo dan banyak lagi penduduk bukit di selatan China, Indo-China dan Kepulauan Melayu.

Ekonomi merupakan salah satu ilmu sosial yang mempelajari aktiviti manusia yang berhubungan dengan produksi, pertukaran dan konsumsi barang serta jasa. Istilah ekonomi sendiri berasal dari bahasa Yunani iaitu oikos (keluarga atau rumah tangga) dan nomos (peraturan atau hukum).

1.9 STRUKTUR DALAM KAJIAN

- **Bab 1** : Pengenalan iaitu menerangkan tentang tajuk kajian yang dijalankan, sejarah, objektif kajian, permasalahan, skop kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian, theoretical framework, kepentingan kajian, struktur kajian dan sebagainya.
- **Bab 2** : Bab ini lebih menerangkan tentang sorotan atau ulasan kajian terdahulu oleh para pengkaji terdahulu yang dijadikan sebagai panduan di dalam kajian ini.
- **Bab 3** : Menerangkan tentang Methodologi Penyelidikan yang dijadikan panduan di setiap penyelidikan yang berlaku dalam kajian oleh pengkaji.
- **Bab 4** : Menerangkan tentang analisis dapatan kajian dan keputusan kajian yang dilakukan untuk penyelidikan yang telah dikaji oleh pengkaji.

- **Bab 5 :** Menerangkan tentang cadangan pengkaji untuk terus maju di masa hadapan.
- **Bab 6 :** Menerangkan tentang rumusan dan kesimpulan untuk pengkaji tentang tajuk kajian yang dijalankan.

1.10 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan yang terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Melayu. Suku Senoi, Negrito dan Proto-Melayu pula diklasifikasikan kepada enam suku kecil. Disebabkan pelbagai suku kaum di kalangan masyarakat Orang Asli, terdapat banyak perbezaan dari segi cara hidup dan pertuturan bahasa yang digunakan. Kebudayaan dan adat resam mereka juga berbeza-beza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Bilangan mereka yang kecil menyebabkan kedudukan dan kepentingan mereka dalam politik Negara mudah dipinggirkan.

Kaum Temiar merupakan bangsa yang bernaung di bawah suku kaum Senoi. Penempatan rumpun bangsa Temiar yang teramai adalah di daerah Gua Musang, Kelantan yang menganjur hingga ke sempadan Perak dan Kelantan.

Ekonomi merupakan salah satu ilmu sosial yang mempelajari akriviti manusia yang berhubungan dengan produksi, pertukaran dan konsumsi barang. Ekonomi tradisional bagi Orang Asli adalah berdasarkan kepada aktiviti pertanian sara diri. Pengkaji ingin melihat adakah sumber pendapatan masyarakat Orang Asli kaum Temiar masih mengekalkan ekonomi tradisional pertanian saradiri atau sebaliknya.

BAB 2

ULASAN KAJIAN TERDAHULU

2.1 PENGENALAN

Bab ini menerangkan mengenai sorotan kajian terdahulu yang merangkumi pelbagai aspek sumber ekonomi dan kehidupan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

2.2 LATAR BELAKANG KAJIAN TERDAHULU

Pengkajian mengenai masyarakat Orang Asli di Malaysia dilakukan sejak gurun ke-19 bagaimanapun banyak pengkajian telah dilakukan, tetapi tidak semua bahan-bahan itu dapat diperolehi dengan mudah. Menurut kajian kes Azarina binti Basri, (2003) di antara kajian-kajian yang telah dilakukan termasuklah kajian-kajian mengenai sifat dan

rupa bentuk orang-orang Asli, pertuturan atau bahasa Orang Asli, budaya dan cara hidup mereka secara am.

Selain itu, Abdullah Hassan, (1969) telah membuat suatu kajian ‘fonologi-Morfologi Bahasa Orang-orang Melayu Asli Dialek Temuan’ untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (M.A.) di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kajian ini dilakukan berdasarkan bahan-bahan yang dikutip di sebuah perkampungan Orang Asli di Mukim Bangi daerah Ulu Langat, Selangor. Tujuan kajiannya ialah untuk mengetahui seluk-beluk bahasa orang-orang Melayu Asli dari suku bangsa Temuan dari segi fonologi dan morfologinya.

Manakala Tunisan binti Senan, (2001/2002) juga telah membuat satu kajian Sosio-Ekonomi Masyarakat Orang Asli iaitu Kajian Kes Terhadap Masyarakat Orang Asli Di Penempatan Batu 12 Gombak, Selangor. Tujuan kajiannya ialah untuk melihat sejauh mana perkembangan pembangunan dan perubahan yang dialami oleh masyarakat Orang Asli.

Selain daripada kajian-kajian yang tersebut di atas tadi, Azarina Binti Basri, (2003:15) menyatakan tentang salah satu kajian yang telah dicetak oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka mengenai bahasa Temiar ditulis oleh DR. I. Y. Carey, (1961) yang berjudul ‘Tengleq Kui Serek’. Di dalam buku ini beliau membuat suatu huraian mengenai seluk-beluk bahasa orang-orang Temiar, iaitu suatu kumpulan orang-orang Asli dari sukubangsa yang tergolong dalam kumpulan etnik Senoi. Di samping memberi penerangan yang mendalam mengenai bahasa orang-orang Temiar, beliau juga menyentuh aspek etnologi termasuk soal organisasi sosial, budaya dan sebagainya.

Menurut Azarina Binti Basri lagi, (2003:15) menyebut tentang kajian R.K. Dentan, (1968) yang minat dalam hal orang-orang Asli di Malaysia. Beliau telah menulis buku yang berjudul ‘The Semai- A Nonviolent People Of Malaya’. Buku ini menyentuh keseluruhannya aspek kehidupan orang-orang Asli dari kumpulan Semai termasuklah hal-hal mengenai cara hidup, ekonomi, kehidupan sehari-hari, dan juga perubahan-perubahan yang telah dan masih dialami pada masa kini.

Pengkaji juga telah merujuk beberapa latihan ilmiah dan tesis untuk mendapatkan idea umum bagaimana kajian ini dapat dijalankan dan apakah perkara-perkara yang patut dikaji. Rujukan kepada bahan-bahan tersebut dilakukan untuk mengetahui skop yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain sebelum ini.

Satu kajian kes lagi yang telah dibuat oleh Azarina binti Basri pada tahun 2003 iaitu Pembangunan Sosia-Ekonomi Orang Asli Suku Kaum Temuan Di Kg Bukit Cheeding, Kuala Langat, Banting, Selangor. Tujaun kajian ini berbeza dengan apa yang dijalankan oleh pengkaji terawal. Kajian ini lebih menumpukan kepada aspek sosial dan ekonomi suku kaum Temuan. Walaubagaimanapun, memang tidak dinafikan bahawa terdapat ramai pengkaji pernah menyentuh aspek-aspek sosio-ekonomi Orang Asli tetapi mereka tidak mengkaji secara khusus tentang suku kaum Temuan.

2.3 ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Orang Asli adalah satu istilah yang digunakan bagi merujuk salah satu daripada kumpulan masyarakat pribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan merupakan

anggota masyarakat bumiputera di negara ini. Hak dan keistimewaan mereka terbahagi kepada tiga kumpulan besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Ketiga-tiga kumpulan ini dibahagi lagi kepada 18 suku kaum yang kecil.

Menurut Tunisan binti Senan, (2001/2002) dalam kajian kes terhadap sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli, banci penduduk oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 1991, terdapat lebih kurang 98, 494 orang keseluruhannya. Hampir 30% daripadanya tinggal di pendalaman dan yang selebihnya tinggal menetap berjiran dengan kampung-kampung Melayu atau tinggal sepanjang persisiran pantai Selangor, Johor dan Pahang. Justeru, Orang Asli boleh ditemui di kawasan hutan banjaran Titiwangsa dan kawasan-kawasan lain di seluruh Semenanjung Malaysia.

Selain itu, Tunisan Binti Senan (2001/2002:13) dalam kajiannya menyebut tentang kajian Hunt, (1952) memberi pandangan ringkas kepada pembaca tentang jumlah populasi dan taburan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Matlamat sebenar kajian ini dilakukan adalah untuk memberi panduan kepada kerajaan dalam mentadbir Orang Asli semasa zaman kolonial dahulu. Walaubagaimanapun kajian ini menghasilkan data yang kurang tepat, namun selepas penerbitannya banyak kajian susulan dilakukan. Tetapi kajian-kajian tersebut lebih tertumpu kepada kajian monografi terhadap suku-suku bangsa tertentu.

Manakala menurut Tunisan Binti Senan lagi, (2001/2002:14) menyatakan sebaliknya kajian Carey, (1975) terhadap masyarakat Orang Asli pula memberi gambaran yang jelas dan tepat tentang keseluruhan suku bangsa tersebut. Hal ini kerana, analisis tidak tertumpu kepada monografi suku bangsa tertentu. Kajian yang berbentuk

penyelidikan etnologikal dan sosiologikal ini menjelaskan bahawa setiap kumpulan Orang Asli mempunyai kebudayaan, sosial dan ekonomi yang berbeza. Rujuk Jadual 2.3 untuk menunjukkan Taburan Penduduk Orang Asli Mengikut Kumpulan Etnik dan Negeri Semenanjung Malaysia 2009.

Jadual 2.3.1

NEGERI	NEGRITO	SENOI	PROTO-MELAYU	JUMLAH
Kedah	196	-	-	196
Perak	1, 575	40, 856	410	42, 841
Kelantan	1, 086	9, 702	19	10, 807
Terengganu	30	682	45	757
Pahang	780	23, 120	26, 872	50, 772
Selangor	3	4, 651	10, 556	15, 210
Negeri Sembilan	-	74	8, 380	8, 454
Melaka	-	27	1, 208	1, 235
Johor	1	44	10, 893	10, 938
JUMLAH	3, 671	79, 156	58, 383	141, 210

Jadual 2.3.1 : Taburan Penduduk Orang Asli Mengikut Kumpulan Etnik Dan Negeri Semenanjung Malaysia Tahun 2009.

(Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Gombak)

Secara keseluruhan, orang Negrito lebih mendiami kawasan pendalaman di Perak dan kelantan manakala orang Senoi lebih suka mendiami di lereng titiwangsa iaitu di pendalaman Negeri Perak, Kelantan dan Pahang serta orang Proto-Melayu tinggal berjiran dengan Orang Melayu di Pahang, Perak, Johor dan Selangor.

Segelintir mereka ini masih berpindah-randah dari satu kawasan ke kawasan lain mengikut keadaan tertentu seperti musim buah-buahan, musim kemarau dan sebagainya. Walaubagaimanapun dengan arus perubahan keadaan dari segi keselamatan beralih ke pembangunan yang dijalankan, kerajaan berjaya sedikit demi sedikit mengikis sikap tersebut.

Mereka boleh ditemui di seluruh Semenanjung dan sempadan Malaysia dan Thailand Utara hingga ke Selat Johor di Selatan. Anggapan umum Orang Asli tinggal di hutan belantara adalah tidak benar. Kebanyakan mereka memang tinggal di hutan belantara dan di tanah-tanah tinggi di antara 2,000 hingga 6, 000 kaki dari paras laut, tetapi 40% daripada mereka sebenarnya, tinggal di tanah-tanah rendah dan persisiran pantai.

Secara tradisi, Orang Asli hidup dalam kumpulan kecil yang terdiri dari 10 hingga 50 pasangan yang sudah berumahtangga. Walaupun ada sebahagian mereka yang masih hidup secara berpindah-randah, tetapi kebanyakan daripadanya sudah menetap di kampung seperti Orang Melayu.

2.4 AKTIVITI EKONOMI

Menurut Tunisan binti Senan, (2001/2002:17) menyatakan tentang kajian Dunn, (1975) Orang Asli memainkan peranan tertentu dalam sejarah ekonomi Semenanjung Malaysia. Dalam abad ke-5, Orang Asli bertindak sebagai pengumpul dan pembekal utama (primary trader) bagi hasil hutan. Kemudian, mereka menggunakan sistem barter

bagi penukaran hasil hutan kepada barang-barang harian seperti garam, gula dan sebagainya dengan etnik lain khususnya masyarakat Melayu yang tinggal di sepanjang pinggiran hutan.

Satu kajian kes Tunisan binti Senan, (2001/2002) ekonomi tradisional bagi Orang Asli adalah berdasarkan kepada aktiviti pertanian sara diri. Mereka mengeluarkan hasil tanaman seperti padi huma, sekoi, jagung, ubi, pisang, keladi dan pelbagai jenis sayur-sayuran seperti labu, kacang panjang, timun, kacang bendi, dan sebagainya. Di kalangan masyarakat Orang Asli, bertukar-tukar bahan makanan, perkhidmatan dan keperluan-keperluan lain dilakukan secara berkongsi dan sistem barter. Tidak ada urusan secara jual beli dan secara tunai dilakukan. Sistem ekonomi seperti ini telah membantu menjalankan kemesraan yang lebih akrab di kalangan mereka.

Manakala terdapat satu kajian kes lagi berkaitan sistem ekonomi iaitu dalam kajian kes Tunisan binti Senan, (2001/2002:18) menyebut kajian Ruddle, (1970) mengenai sistem sara diri masyarakat Indian Yukpa di kawasan sempadan Columbia, Venezuela. Kajian ini mendapati ekonomi masyarakat ini berdasarkan pertanian pindah-randah yang di usaha dalam pelbagai jenis ruang. Begitu juga dengan Orang Asli yang tidak semata-mata bergantung kepada hasil hutan. Ekonomi tradisional mereka lebih tertumpu kepada pertanian pindah-randah seperti menanam padi huma dan sayuran. Disamping itu, mereka juga turut mengumpulkan hasil-hasil hutan, memburu dan memancing seperti yang dilakukan oleh masyarakat Temiar (Carey, 1975). Kegiatan menanam padi huma bersesuaian dengan keadaan demografi mereka yang mendiami kawasan hutan.

Dalam kajian kes Tunisan binti Senan,(2001/2002) berkata; memburu dan menangkap ikan merupakan sebahagian daripada aktiviti ekonomi Orang Asli. Kegiatan memburu pada dasarnya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja dan alatan pemburuan mereka boleh didapati di dalam hutan. Binatang-binatang seperti monyet, babi hutan, burung, biawak, tupai dan binatang-binatang kecil yang lain diburu untuk makanan. Selain daripada sumpitan, jenis perangkap digunakan juga.

Aktiviti menangkap ikan pula merupakan kegiatan penting yang dijalankan oleh Orang Asli, di mana ikan merupakan sumber utama protin bagi mereka. Kaedah menangkap ikan yang terkenal ialah jerat, lukah, kail, racun akar tuba, tombak, jaring dan menangkap dengan tangan.

Tunisan binti Senan, (2001/2002:19) menyatakan tentang proses pembangunan luar bandar yang disebut oleh Gomes, (1987) berkata; dalam proses pembangunan luar bandar yang pesat di Malaysia dan penerapan sistem ekonomi kapitalisme kepada masyarakat ini menyebabkan mereka beralih arah dari ekonomi sara diri kepada ekonomi pasaran (pengeluaran untuk mendapatkan wang). Mereka sudah mula meninggalkan pertanian pindah-randah kepada pertanian bercorak komersial seperti menanam kelapa sawit, getah dan kopi. Ekonomi sara diri ini pula dijadikan aktiviti sampingan kepada masyarakat Orang Asli. Mereka memilih apa saja kegiatan ekonomi mengikut musim dan pemasaran dan adakalanya mereka melakukan lebih dari dua aktiviti dalam masa yang sama.

Menurut Azarina binti Basri, (2003) dalam kajian kes beliau berkata; di Semenanjung Tanah Melayu orang Senoi adalah lebih tinggi daripada orang Negrito.

Rambut mereka ikal mayang dan cenderung memiliki kepala yang panjang berbanding dengan kepala orang Negrito yang bulat atau sederhana. Mereka menggunakan sumpitan dan perangkap binatang yang diperbuat daripada rotan, manakala orang Negrito secara keseluruhannya bergantung kepada pemburuan dan mencari makanan di dalam hutan.

2.5 LOKASI

Mereka boleh ditemui di seluruh Semenanjung dan sempadan Malaysia dan Thailand Utara hingga ke Selat Johor di Selatan. Anggapan umum Orang Asli tinggal di hutan belantara adalah tidak benar. Kebanyakan mereka memang tinggal di hutan belantara dan di tanah-tanah tinggi di antara 2,000 hingga 6, 000 kaki dari paras laut, tetapi 40% daripada mereka sebenarnya, tinggal di tanah-tanah rendah dan persisiran pantai.

Terdapat juga kumpulan Orang Asli yang merupakan orang Seletar dan penduduk pulau. Rujuk jadual 2.5.1 menunjukkan Taburan Penduduk Orang Asli mengikut Kumpulan Etnik tahun 2009 manakala Jadual 2.5.2 menunjukkan Demografi Penduduk Orang Asli mengikut negeri dan kumpulan kaum serta rumpun bangsa tahun 2009.

Secara tradisi, Orang Asli hidup dalam kumpulan kecil yang terdiri dari 10 hingga 50 pasangan yang sudah berumahtangga. Walaubagaimanapun ada sebahagian mereka yang masih hidup secara berpindah-randah, tetapi kebanyakannya daripadanya sudah menetap di kampung seperti Orang Melayu.

Jadual 2.5.1

SUKU BANGSA NEGRITO	JUMLAH
Kensiu	224
Kintaq	112
Lanoh	244
Jahal	1,663
Mendriq	268
Bateq	1,160
JUMLAH	3,671

SUKU BANGSA SENOI	JUMLAH
Temiar	24,908
Semai	42,383
Semoq Beri	3,972
Che Wong	456
Jah Hut	3,762
Mah Meri	3,675
JUMLAH	79,156

SUKU BANGSA PROTO-MELAYU	JUMLAH
Temuan	22,716
Semelai	6,272
Jakun	24,977
Orang Kanaq	157
Orang Kuala	3,010
Orang Seletar	1,251
JUMLAH	58,383

JUMLAH BESAR: 141,21

Jadual 2.5.1 : Taburan Penduduk Orang Asli Mengikut Etnik Tahun 2009

(Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Gombak)

KELANTAN

Jadual 2.5.2

SUKU KAUM	RUMPUN BANGSA	NEGERI	DAERAH
NEGRITO	Kensiu Kintaq Lanoh Jahal Mendriq Bateq	KEDAH PERAK PERAK KELANTAN KELANTAN PAHANG KELANTAN TERENGGANU	Baling Hulu Perak Hulu Perak Jeli Gua Musang Jerantut, Kuala Nipis Kuala Krai Besut
SENOI	Temiar Semai Semoq Beri Che Wong Jah Hut Mah Meri	PERAK KELANTAN PERAK PAHANG SELANGOR PAHANG TERENGGANU PAHANG PAHANG SELANGOR	Kuala Kangsar, Hulu Perak dan Kinta Gua Musang Batang Padang, Kinta, Slim River, Perak Tengah dan Hilir Perak Kuala Nipis dan Raub Hulu Selangor Maran, Kuantan dan Jerantut Hulu Terengganu dan Kemaman Raub Temerloh dan Jerantut Kuala Selangor dan Sepang
PROTO-MELAYU	Temuan Semelai Jakun	PAHANG NEGERI SEMBILAN SELANGOR MELAKA PAHANG NEGERI	Bentong, Raub dan Termeloh Kuala Pilah, Tampin, Port Dickson, Jelebu, Seremban, Rembau dan Jempol Sepang, Klang, Hulu Langat, Gombak dan Hulu Selangor Jasin dan Alor Gajah Termeloh dan Bara Jempol dan Kuala Pilah Pekan, Rompin dan

	Orang Kanaq Orang Kuala Orang Seletar	SEMBILAN PAHANG JOHOR JOHOR JOHOR JOHOR	Kuatan Kota tinggi, Kluang, Segamat dan Mersing Kota Tinggi Kota Tinggi, Batu Pahat, dan Pontian Johor Bharu
--	---	--	--

Jadual 2.5.1 : Demografi Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri, Daerah dan Kumpulan Kaum Serta Rumpun Bangsa Tahun 2009

(Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Gombak)

Menurut pengkaji-pengkaji sejarah, kaum Negrito adalah keturunan (descendents) daripada manusia pra-sejarah yang bergelar Australo-Melanesians yang berhijrah ke Asia Tenggara daripada kawasan Negara China 7,000-10,000 tahun dahulu. Orang Senoi dan Proto-Melayu pula adalah keturunan daripada manusia pra-sejarah yang digelar Austronesian (Malayo-Polysenian) yang dipercayai berhijrah secara peringkat-peringkat dan kecil-kecilan dan selatan China dan Taiwan ke kawasan Asia Tenggara sehingga ke Madagaskar di barat dan pulau-pulau Pasifik di Timur kira-kira 3,000-5,000 tahun dahulu. Walaubagaimanapun, telah banyak berlaku pencampuran dan asimilasi di antara kedua-dua kumpulan manusia itu.

KELANTAN

2.6 KESIMPULAN

Terdapat beberapa pengkaji dahulu yang telah menjalankan kajian tentang masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Secara tidak langsung dapat mengetahui pelbagai aspek sumber ekonomi dan kehidupan masyarakat Orang Asli.

Selain itu, memperolehi taburan masyarakat Orang Asli mengikut etnik dan jumlah keseluruhan penduduk serta demografi penduduk mengikut negeri di Semenanjung Malaysia.

Secara keseluruhan, orang Negrito lebih mendiami kawasan pendalaman di Perak dan Kelantan manakala orang Senoi lebih suka mendiami di lereng titiwangsa iaitu di pendalaman Negeri Perak, Kelantan dan Pahang serta orang Proto-Melayu tinggal berjiran dengan Orang Melayu di Pahang, Perak, Johor dan Selangor.

Secara tradisi, Orang Asli hidup dalam kumpulan kecil yang terdiri dari 10 hingga 50 pasangan yang sudah berumahtangga. Walaupun ada sebahagian mereka yang masih hidup secara berpindah-randah, tetapi kebanyakannya daripadanya sudah menetap di kampung seperti Orang Melayu.

MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan tentang rangka teori kajian, pengurusan borang soal selidik, kaedah temubual, dan kaedah statistik yang digunakan untuk menganalisis pengumpulan data.

3.2 RANGKA TEORI

Kajian ini membuktikan bahawa setiap sumber ekonomi masyarakat Orang Asli akan berubah mengikut tahap pengedaran zaman dan dari segi taraf kehidupan dan jumlah pendapatan akan terus berkembang mengikut berkembangan zaman.

Selain itu, pengkaji ingin mengetahui setiap sektor pekerjaan yang dijalankan oleh masyarakat Orang Asli Kaum Temiar.


Berikut merupakan rangka kajian bagi mengenalpasti skop yang ingin dikaji:-

Jadual 3.2.1

Sumber pendapatan masyarakat Orang Asli kaum Temiar	Bergantung
Jenis-jenis pekerjaan	Tidak bergantung
Purata jumlah pendapatan	Tidak bergantung

Jadual 3.2.1 : Rangka kajian

Rajah 3.2.1



3.3 PROSES PEMGUMPULAN DATA

Dalam kaedah ini, pelbagai cara yang dilakukan oleh pengkaji dalam proses pengumpulan data. Bagi memperolehi banyak maklumat tentang kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah borang soal selidik dan temubual bagi tujuan mengumpul data-data penting dan bersesuaian dengan matlamat kajian. Hal ini kerana, kaedah ini merupakan cara terbaik bagi mendapatkan maklumat dengan segera.

3.3.1 Kaedah Borang Soal Selidik

Pengkaji membuat borang soal selidik sebagai rangka atau panduan sahaja kepada pertanyaan yang mahu di utarakan. Antara yang terdapat dalam borang soal selidik mengandungi 5 bahagian seperti berikut:-

3.3.1.1 Bahagian A - *Maklumat Responden*

Bahagian ini menumpukan kepada maklumat latar belakang responden yang terdiri dari aspek sosio-ekonomi atau demografi yang merangkumi umur, jantina, agama dan status.

3.3.1.2 Bahagian B - *Kegiatan Ekonomi*

Bahagian ini penting untuk mengkaji sistem ekonomi yang dijalankan responden dalam kehidupan sehari-hari. Kajian ini menumpukan kepada aspek sektor ekonomi yang dijalankan, jumlah pendapatan, sumber pendapatan dan jenis pekerjaan.

3.3.1.3 Bahagian C – *Penempatan*

Bahagian ini juga penting untuk mengkaji tahap nilai dan pandangan di dalam memenuhi kehendak dan keperluan keluarga. Selain itu, kajian ini menumpukan kepada aspek tempat tinggal.

3.3.1.4 Bahagian D – *Penggunaan dan Kemampuan*

Bahagian ini untuk menkaji tahap kemampuan dan penggunaan barang-barang serta perbelanjaan pada setiap bulan.

3.3.1.5 Bahagian E - *Kepuasan Kehidupan*

Bahagian ini mengkaji tentang kepuasan kehidupan dari segi pekerjaan, pendapatan, tempat tinggal dan sebagainya.

3.3.2 Kaedah Temubual

Pengkaji berpandukan kepada rangka soal selidik yang telah disediakan untuk bertemu dengan responden-responden dengan mudah dan cepat. Cara temubual ini

adalah penting untuk mendapatkan data-data yang objektif untuk melihat sikap dan pandangan responden-responden.

Selain itu, data juga diperolehi dengan menemubual salah seorang Pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Kota Bharu, Kelantan iaitu En. Azman di Wisma Persekutuan, Kota Bharu. Pengkaji mendapat banyak maklumat tentang kehidupan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

3.3.3 Kaedah Pemerhatian

Cara pemerhatian juga penting di dalam kajian ini terutama untuk mengetahui akan perkara-perkara yang tidak ketara seperti sikap dan minat mereka terhadap pekerjaan dan sebagainya. Cara ini dapat menganalisis sesuatu perkara dengan lebih objektif.

3.3.4 Sumber Pustaka

Pengkaji membuat pemerhatian dalam sumber pembacaan (buku, bacaan ilmiah, tesis, kamus, majalah, jurnal dan surat khabar), kajian lapangan dan cd. Dengan menggunakan kaedah ini dapat membantu pengkaji menguatkan lagi fakta, data-data dan maklumat yang diperolehi.

3.4 LOKASI

Kajian ini dijalankan ke atas masyarakat Orang Asli di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang Kelantan iaitu sekitar kawasan daerah Kuala Betis. Penempatan Orang Asli ini terletak lebih kurang 30km dari bandar Gua Musang. Selain itu, terletak Gua Cha yang merupakan penempatan awal manusia pada zaman Mesolitik.

Tempat ini dipilih kerana pengkaji ingin mengetahui lebih lanjut berkaitaan aspek ekonomi masyarakat Orang Asli setempat disamping dapat membuat perbandingan antara masyarakat Orang Asli yang telah mengalami modenisasi dengan yang masih mundur.

Selain itu juga, Kuala Betis terkenal sebagai penempatan Orang Asli Kaum Temiar yang terbesar di negeri Kelantan. Faktor-faktor yang mendorong kepada pemilihan kawasan ini adalah kerana Kuala Betis kini telah menikmati arus pemodenan negara dan Orang Asli tidak lagi terpinggir apabila mereka disediakan kemudahan seperti perumahan, sekolah, dewan masyarakat dan sebagainya.

3.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berkaitan dengan kaedah pengkaji untuk mengumpulkan maklumat tentang sumber ekonomi masyarakat Orang Asli. Pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan, borang soal selidik dan temubual serta sumber pustak

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini menunjukkan keputusan responden daripada analisis (borang soal selidik). Analisis hasil kajian ini di bentangkan berdasarkan jadual, carta pai dan graf. Selain itu, maklumat juga diperolehi melalui rujukan teks dan temubual.

4.2 LATAR BELAKANG BORANG SOAL SELIDIK

Berdasarkan soalan yang dibuat, pelbagai jawapan dan tanggapan diperolehi. Seramai 50 orang responden di kalangan masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis, Kelantan.

4.3 ANALISIS BORANG SOAL SELIDIK


4.3.1 BAHAGIAN A : Maklumat Responden

1. Jantina

Jadual (4.3.1.1)

JANTINA	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
LELAKI	40	80%
PEREMPUAN	10	20%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.1.1)



Rajah 4.3.1.1 : Jantina

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Rajah 4.3.1.1 menunjukkan bilangan responden yang terdiri daripada 50 orang iaitu seramai 40 orang lelaki bersamaan 80% manakala perempuan seramai 10 orang iaitu 20%.

2. Umur

Jadual (4.3.1.2)

UMUR (TAHUN)	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
0 – 20	0	0
21 – 30	5	10%
31 – 40	17	34%
41 KE ATAS	28	56%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.1.2)



Rajah 4.3.1.2 : Umur

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)

Rajah 4.3.1.2 menunjukkan bilangan responden mengikut lapisan umur. Tiada responden dalam lingkungan antara 0-20 tahun, manakala lingkungan 21-30 tahun iaitu seramai 5 orang bersamaan 10%. Selain itu, lingkungan 31-40 tahun pula seramai 17 orang


bersamaan dengan 34% serta lingkungan 41 tahun ke atas iaitu seramai 28 orang bersamaan 56%.

3. Agama

Jadual (4.3.1. 3)

AGAMA	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
ISLAM	36	72%
BUDDHA	0	0%
KRISTIAN	4	8%
LAIN-LAIN	10	20%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.1. 3)



Rajah 4.3.1.3 : Agama

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Rajah 4.3.1.3 menunjukkan seramai 36 orang responden terdiri daripada agama Islam bersamaan 72%. Manakala 4 orang agama kristian bersamaan 8% serta 10 orang responden yang tiada agama bersamaan 20%.

4. Status

Jadual (4.3.1.4)

STATUS	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
BUJANG	6	12%
DUDA	5	10%
JANDA	2	4%
BERKAHWIN	37	74%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.1.4)



Rajah 4.3.1.4 : Status

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)

Jadual 4.3.1.4 menunjukkan bilangan responden mengikut status iaitu status bujang seramai 6 orang bersamaan 12%. Manakala berstatus duda seramai 5 orang bersamaan 10% dan janda seramai 2 orang bersamaan 4% serta seramai 37 orang yang sudah berkahwin bersamaan 74%.


4.3.2 BAHAGIAN B : Kegiatan ekonomi

5. Sumber pendapatan selain daripada bantuan kerajaan

Jadual (4.3.2.5)

SUMBER	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
Kerja Sendiri	38	76%
Kakitangan kerajaan	7	14%
Lain-lain	5	10%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.2.5)



Rajah 4.3.2.5 : Sumber pendapatan selain daripada bantuan kerajaan
(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)

Berdasarkan rajah 4.3.2.5, sumber pendapatan penduduk kaum Temiar menunjukkan seramai 38 orang responden iaitu sebanyak 76% adalah daripada pekerjaan sendiri . Seterusnya, seramai 7 orang iaitu sebanyak 14% adalah daripada kakitangan kerajaan. Manakala, seramai 5 orang dicatatkan pada lain-lain pendapatan iaitu bersamaan dengan 10% menunjukkan lain-lain pendapatan selain daripada kakitangan kerajaan dan bekerja sendiri.

Masyarakat Orang Asli Kaum Temiar memperolehi sumber pendapatan tambahan daripada pekerjaan sendiri yang terdiri daripada pertanian seperti berkebun, bercucuk tanam dan sebagainya. Melalui aktiviti pertanian yang dijalankan ini juga, mereka menerima bantuan subsidi oleh kerajaan iaitu memperolehi baja, anak benih dan dari segi khidmat nasihat daripada pegawai tentang cara-cara menanam, teknik-teknik penjagaan dan sebagainya. Selain daripada itu, Mereka menjalankan aktiviti memungut hasil hutan seperti mencari rotan, kayu gaharu, akar-akar kayu dan daun-daun herba yang diperolehi daripada hutan-hutan sekitar Kuala Betis. Mereka juga memperolehi sumber makanan daripada hasil buruan seperti rusa, ayam hutan, burung dan sebagainya.

Selain daripada aktiviti pertanian, masyarakat Orang Asli kaum Temiar ini juga terdiri daripada kakitangan kerajaan iaitu berkhidmat sebagai guru, pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan sebagainya. Walaubagaimanapun golongan yang menjawat jawatan sebagai kakitangan kerajaan adalah sedikit, mereka juga mampu berdikari sendiri.

Antara lain, Masyarakat Orang Asli ini juga terlibat dengan lain-lain pekerjaan selain daripada kakitangan kerajaan dan kerja sendiri. Ada diantara mereka yang bekerja sebagai buruh ladang, buruh binaan dan sebagainya sebagai sumber pendapatan tambahan mereka.

Kesimpulannya, penduduk Orang Asli Kaum Temiar di Kuala Betis menunjukkan mereka tidak mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata dan mampu berusaha dan tidak mensia-siakan kemahiran yang mereka bagi mendapatkan sumber pendapatan daripada titik peluh mereka sendiri. Hal ini menunjukkan mereka mampu berdikari seperti masyarakat-masyarakat lain juga.


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

6. Tujuan aktiviti melalui kegiatan kerja sendiri dilakukan.

Jadual (4.3.2.6)

KEGIATAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
Pasaran	20	40%
Kegunaan sendiri	30	60%
Lain-lain	0	0%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.2.6)



Rajah 4.3.2.6 : Tujuan aktiviti melalui kegiatan kerja sendiri dilakukan.

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)

Carta pai 4.3.2.6 menunjukkan, peratusan berdasarkan tujuan aktiviti melalui kerja sendiri mengikut kategori yang dibuat iaitu sebanyak 40% bersamaan 20 orang responden yang menggunakan hasil kerja mereka untuk tujuan pasaran. Manakala, sebanyak 60% bersamaan 30 orang responden adalah untuk kegunaan sendiri.

Bagi masyarakat Orang Asli kaum Temiar mereka menjalankan kerja sendiri untuk tujuan sara diri. Antara sumber yang diperolehi oleh mereka ialah daripada hasil tanaman pohon buah-buahan seperti buah nangka, rambutan, tebu, pisang, durian dan sebagainya. Aktiviti penanaman pokok buah-buahan ini dilakukan disekitar kawasan rumah mereka. Selain tanaman pokok buah-buahan, mereka juga menjalankan aktiviti bercucuk tanam yang terdiri daripada tanaman padi bukit, ubi kayu, ubi keledek, jagung, sayur-sayuran hijau yang lain.

Bagi tujuan pemasaran, masyarakat Orang Asli tertumpu kepada pasaran tempatan dan luar bandar. Mereka memasarkan pasaran mereka daripada hasil tangkapan ikan di sungai sekitar Kuala Betis. Mereka juga memasarkan hasil pungutan getah yang ditoreh di kebun mereka sendiri dan ada juga mengambil upah daripada tuan kebun getah. Cara mereka memasarkan hasil kerja titik peluh mereka adalah jualan terus terutama kepada penduduk tempatan serta melalui orang tengah iaitu pemborong luar yang masuk untuk membeli hasil-hasil pertanian dan kebun.

Selain itu juga, aktiviti mencari dan memungut hasil hutan seperti rotan, kayu gaharu, akar-akar kayu dan sebagainya adalah bertujuan untuk dipasarkan. Hasil pungutan daripada sumber hutan ini dipasarkan mengikut pelbagai kategori, ada yang memasarkannya sebagai bahan mentah dan ada juga yang memasarkan produk hasil hutan


yang telah siap menjadi pelbagai jenis produk contohnya kerja kraf tangan daripada rotan seperti kerusi, meja, bag, bakul dan sebagainya yang mempunyai nilai komersial yang tinggi. Antara lain, akar-akar kayu dan daun-daun herba diproses sendiri menjadi minyak ubat dan sebagainya.

7. Jenis pekerjaan

Jadual (4.3.2.7)

JENIS	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
Pertanian	40	80%
Memungut hasil hutan	5	10%
Memburu	2	4%
Lain-lain	3	6%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.2.7)



Rajah 4.3.2.7 : Jenis Pekerjaan

(Sumber : Borang Soal Selidik, 2011)

Berdasarkan rajah 4.3.2.7, menunjukkan sektor pekerjaan masyarakat Orang Asli kaum Temiar seramai 40 orang iaitu sebanyak 80% melakukan pekerjaan pertanian. Manakala sebanyak 10% bersamaan 5 orang responden hanya menjalankan pekerjaan mereka dengan memungut hasil hutan seperti mencari rotan, kayu gaharu, akar-akar kayu dan daun-daun herba yang diperolehi daripada hutan-hutan sekitar Kuala Betis dan seramai 2 orang responden bersamaan 4% mereka juga memperolehi sumber makanan daripada hasil buruan seperti rusa, ayam hutan, burung dan sebagainya, serta pekerjaan lain –lain sebanyak 6% bersamaan 3 orang responden masyarakat Orang Asli bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan swasta seperti buruh kasar, guru, syarikat pembalakan dan sebagainya.

Masyarakat Orang Asli Kaum Temiar di Kuala Betis mempunyai rasa kasih sayang kepada pada alam semulajadi dan tumbuhan. Hal ini kerana, Aktiviti pertanian merupakan aspek terpenting di dalam kehidupan masyarakat Orang Asli. Antara tanaman yang dihasilkan oleh masyarakat Orang Asli adalah aktiviti bercucuk tanam seperti padi bukit, ubi kayu, ubi keledek, tebu, pisang, dan sebagainya. Disamping tanah pertanian, terdapat juga kawasan ladang getah di Kuala Betis yang dijalankan sebagai salah satu sektor pekerjaan mereka.


Selain daripada aktiviti pertanian, memungut hasil hutan menjadi pekerjaan tambahan mereka manakala dari segi aktiviti memburu binatang dan menangkap ikan hanyalah terhad kepada keperluan harian mereka.

8. Jumlah pendapatan sebulan

Jadual (4.3.2.8)

JUMLAH PENDAPATAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
RM500 KE BAWAH	22	44%
RM500 - RM1000	27	54%
RM1000 - RM2000	1	2%
RM2000 KE ATAS	0	0%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.2.8)



Rajah 4.3.2.8 : Jumlah Pendapatan Sebulan.

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)

Berdasarkan gambar rajah 4.3.2.8, secara purata pendapatan masyarakat Orang Asli kaum Temiar adalah seramai 26 orang iaitu sebanyak 54% memperolehi pendapatan RM500 ke bawah bagi setiap bulan. Manakala seramai 23 orang responden bersamaan 46% memperolehi pendapatan sebanyak RM500 hingga RM1000 serta 2% bersamaan seorang memperolehi pendapatan sebulan sebanyak RM1000 hingga RM2000.

Sistem ekonomi bagi masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis mendapati keadaan mereka agak maju dan tidak ketinggalan pengedaran zaman. Hal ini kerana pertukaran barang sebagai bentuk perhantaraan jual beli bagi masyarakat Orang Asli tidak lagi diamalkan dan sebaliknya wang tunai digunakan untuk berurusan dengan jual beli.

Secara keseluruhan masyarakat Orang Asli Kaum Temiar di Kuala Betis dari segi pendapatan sebulan mereka memperolehi sebanyak RM500 hingga RM1000. Hal ini kerana dengan adanya bantuan kerajaan yang memberikan pada setiap bulan, secara tidak langsung mereka mempunyai pekerjaan sambilan untuk tambahkan pendapatan sebulan mereka.

Selain itu, hasil daripada aktiviti menangkap ikan dan memungut hasil hutan juga dijual dan memperolehi pendapatan dengan amat memuaskan. Purata pendapatan yang mereka perolehi sebanyak RM200–RM400 sebulan. Kebiasaannya pendapatan masyarakat Orang Asli yang melebihi RM1000, mereka terdiri daripada kakitangan kerajaan iaitu berkhidmat sebagai sebagai guru, pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan sebagainya.


4.3.3 BAHAGIAN C : Penempatan

9. Adakah jenis rumah kediaman anda rumah kampung

Jadual (4.3.3.9)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
YA	44	88%
TIDAK	6	12%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.3.9)



Rajah 4.3.3.9 : Jenis rumah kediaman

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan jadual dan rajah 4.3.3.9, sebanyak 88% bersamaan 44 orang responden yang menyatakan bahawa rumah kediaman mereka jenis rumah kampong manakala 12% bersamaan 6 orang responden menyatakan tidak.

10. Adakah rumah yang anda duduk dibina sendiri

Jadual (4.3.3.10)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
YA	15	30%
TIDAK	35	70%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.3.10)



Rajah 4.3.3.10 : Rumah yang dibina.

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan jadual dan rajah 4.3.3.10, didapati bahawa 70% bersamaan 35 orang responden menyatakan bahawa rumah yang mereka duduk bukan dibina sendiri. Manakala seramai 15 orang responden bersamaan 30% mereka membina sendiri untuk rumah kediaman mereka.

11. Adakah dinding rumah anda menggunakan papan

Jadual (4.3.3.11)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
YA	22	44%
TIDAK	28	56%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.3.11)



Rajah 4.3.3.11 : Dinding rumah menggunakan papan .

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan gambar rajah 4.3.3.11, seramai 28 orang responden bersamaan 56% menyatakan dinding rumah mereka tidak menggunakan papan manakala yang menggunakan papan hanya 44% bersamaan 22 orang responden.

12. Adakah di rumah anda menggunakan generator

Jadual (4.3.3.12)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
YA	44	88%
TIDAK	6	12%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.3.12)



Rajah 4.3.3.12 : Rumah menggunakan generator.

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan jadual dan rajah 4.3.3.12, didapati bahawa sebanyak 88% bersamaan 44 orang responden menyatakan rumah yang mereka duduki menggunakan generator manakala sebanyak 12% bersamaan 6 orang responden tidak menggunakan generator. Hal ini mungkin mereka menggunakan elektrik, lilin dan sebagainya.

13. Adakah sumber bekalan air di rumah anda dari sungai

Jadual (4.3.3.13)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
YA	8	16%
TIDAK	42	84%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.3.13)



Rajah 4.3.3.13 : Sumber bekalan air

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan jadual dan gambar rajah 4.3.3.13, sebanyak 84% bersamaan 42 orang responden tidak menggunakan bekalan air dari sungai manakala 16% bersamaan 8 orang responden menggunakan sumber bekalan air dari sungai.

14. Adakah rumah anda mempunyai tandas

Jadual (4.3.3.14)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
YA	4	8%
TIDAK	46	92%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.3.14)




Rajah 4.3.3.14 : Rumah mempunyai tandas

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)

Berdasarkan jadual dan rajah 4.3.3.14, didapati bahawa seramai 46 orang responden bersamaan 92% tidak mempunyai tandas di rumah. Manakala yang mempunyai tandas di rumah mereka hanya 8% bersamaan 4 orang responden.

4.3.4 BAHAGIAN D : Pengunaan dan Kemampuan

15.Rajah (4.3.4.15)




Rajah 4.3.4.15 : Penggunaan dan Kemampuan

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)

16. Perbelanjaan bulanan dan tahunan

Rajah (4.3.4.16)



Rajah 4.3.4.16 : Perbelanjaan bulanan dan tahunan

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


4.3.5 BAHAGIAN E : Kepuasan Kehidupan

17. Saya suka pekerjaan sekarang berbanding dahulu

Jadual (4.3.5.17)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
SANGAT TIDAK SETUJU	4	8%
TIDAK SETUJU	4	8%
TIDAK PASTI	15	30%
SETUJU	22	44%
SANGAT SETUJU	5	10%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.5.17)



Rajah 4.3.5.17: Pekerjaan sekarang berbanding dahulu

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan gambar rajah 4.3.5.17, bahawa seramai 22 orang responden bersamaan 44% bersetuju bahawa suka pekerjaan sekarang berbanding dahulu. Manakala sebanyak 8% bersamaan 4 orang responden didapati tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju.

18.Pendapatan sebulan dapat menampung kehidupan seharian

Jadual (4.3.5.18)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
SANGAT TIDAK SETUJU	2	4%
TIDAK SETUJU	14	28%
TIDAK PASTI	11	22%
SETUJU	18	36%
SANGAT SETUJU	5	10%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.5.18)



Rajah 4.3.5.18: Pendapatan sebulan dapat menampung kehidupan seharian

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan gambar rajah 4.3.5.18, bahawa seramai 18 orang responden bersamaaan 36% yang bersetuju mengenai pendapatan sebulan mereka dapat menampung kehidupan harian mereka. Manakala sebanyak 4% bersamaan 2 orang responden mendapati sangat tidak setuju.

19. Pelajaran anak-anak terjamin dengan bantuan kerajaan

Jadual (4.3.5.19)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
SANGAT TIDAK SETUJU	0	0%
TIDAK SETUJU	2	4%
TIDAK PASTI	5	10%
SETUJU	28	56%
SANGAT SETUJU	15	30%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.5.19)



Rajah 4.3.5.19: Pelajaran anak-anak terjamin dengan bantuan kerajaan

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan gambar rajah 4.3.5.19, sebanyak 56% bersamaan 28 orang responden berpendapat bahawa setuju dengan pelajaran anak-anak mereka terjamin apabila dengan bantuan kerajaan. Manakala sangat setuju seramai 15 orang responden bersamaan 30% dan tidak pasti seramai 5 orang responden bersamaan 10% serta 4% bersamaan 2 orang responden mendapati bahawa tidak setuju.

20. Tempat tinggal sekarang amat selesa berbanding dahulu

Jadual (4.3.5.20)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
SANGAT TIDAK SETUJU	0	0%
TIDAK SETUJU	2	4%
TIDAK PASTI	4	8%
SETUJU	29	58%
SANGAT SETUJU	15	30%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.5.20)



Rajah 4.3.5.20: Tempat tinggal sekarang amat selesa berbanding dahulu

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan rajah 4.3.5.20, sebanyak 56% bersamaan 29 orang responden didapati setuju bahawa tempat tinggal sekarang amat selesa berbanding dahulu. Manakala sebanyak 4% bersamaan 2 orang responden sahaja tidak setuju.

21. Saya sangat berpuas hati dengan kehidupan sekarang

Jadual (4.3.5.21)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
SANGAT TIDAK SETUJU	2	4%
TIDAK SETUJU	4	8%
TIDAK PASTI	15	30%
SETUJU	19	38%
SANGAT SETUJU	10	20%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.5.21)



Rajah 4.3.5.21: Berpuas hati dengan kehidupan sekarang

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)


Berdasarkan rajah 4.3.5.21, seramai 19 orang responden bersamaan 38% setuju bahawa sangat berpuas hati dengan kehidupan mereka sekarang. Manakala sangat tidak setuju seramai 2 orang responden bersamaan 4%.

22. Suasana kampung sekarang lebih baik berbanding dahulu sebelum kerajaan memberikan bantuan

Jadual (4.3.5.22)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
SANGAT TIDAK SETUJU	5	10%
TIDAK SETUJU	15	30%
TIDAK PASTI	10	20%
SETUJU	15	30%
SANGAT SETUJU	5	10%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.5.22)



Rajah 4.3.5.22: Suasana kampung sekarang lebih baik berbanding dahulu sebelum kerajaan memberikan bantuan

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)

Berdasarkan rajah 4.3.5.22, sebanyak 30% bersamaan 15 orang responden berpendapat tidak setuju dan setuju bahawa suasana kampung sekarang lebih baik berbanding dahulu sebelum kerajaan memberikan bantuan. Manakala tidak pasti seramai 10 orang responden


bersamaan 20% dan sebanyak 10% bersamaan 5 orang responden berpendapat sama iaitu sangat setuju dan sangat tidak setuju.

23. Kehidupan sekarang banyak memberikan penyakit kepada penduduk

Jadual (4.3.5.23)

JAWAPAN	BILANGAN (ORANG)	PERATUSAN (%)
SANGAT TIDAK SETUJU	5	10%
TIDAK SETUJU	1	2%
TIDAK PASTI	8	16%
SETUJU	25	50%
SANGAT SETUJU	11	22%
JUMLAH	50	100%

Rajah (4.3.5.23)



Rajah 4.3.5.23: Kehidupan sekarang banyak memberikan penyakit kepada penduduk

(Sumber : Borang Soal Selidik 2011)

Berdasarkan gambar rajah 4.3.5.23, setuju tentang kehidupan sekarang banyak memberikan penyakit kepada penduduk sebanyak 50% bersamaan 25 orang responden dan seorang responden bersamaan 2% berpendapat tidak setuju.

4.4 TEMUBUAL

Pengkaji menemubual salah seorang Pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Kota Bharu, Kelantan iaitu En.Azman di Wisma Persekutuan. Pengkaji mendapat banyak maklumat tentang latar belakang masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Beliau memberitahu tentang kehidupan masyarakat Orang Asli. Selain itu, beliau memberikan kumpulan data–data taburan masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli adalah satu istilah yang digunakan bagi merujuk salah satu daripada kumpulan masyarakat pribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan merupakan anggota masyarakat bumiputera di negara ini. Hak dan keistimewaan mereka terbahagi kepada tiga kumpulan besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Ketiga-tiga kumpulan ini dibahagi lagi kepada 18 suku kaum yang kecil.

Secara tradisi, masyarakat Orang Asli hidup dalam kumpulan kecil yang terdiri dari 10 hingga 50 pasangan yang sudah berumahtangga. Walaubagaimanapun ada sebahagian mereka yang masih hidup secara berpindah-randah, tetapi kebanyakan daripadanya sudah menetap di kampung seperti Orang Melayu.

Masyarakat Orang Asli Kaum Temiar di Kuala Betis memang sayang pada alam semulajadi dan tumbuhan. Hal ini kerana, masyarakat ini lebih kepada pekerjaan hasil tanaman iaitu pertanian. Aktiviti pertanian merupakan aspek terpenting di dalam masyarakat Orang Asli Kuam Temiar.

4.5 KESIMPULAN


Secara kesimpulan, sumber ekonomi masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis, Gua Musang masih lagi menjalankan aktiviti pertanian saradiri. Aktiviti pertanian yang mereka masihkekalkan sehingga sekarang adalah sistem berpindah-randah. Hal ini kerana tapak tanaman sering berubah-ubah tempat selepas setiap musim.

Dari segi sektor pekerjaan masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis, mempunyai pelbagai pekerjaan yang dilakukan antaranya adalah aktiviti pertanian, hal ini kerana aktiviti ini adalah salah satu pekerjaan utama mereka dan barulah melakukan aktiviti sampingan seperti memungut hasil hutan, memburu, dan sebagainya

Antara lain sumber mata pencarian tambahan masyarakat Orang Asli kaum Temiar adalah aktiviti memungut hasil hutan seperti mencari rotan, kayu gaharu, akar-akar kayu dan daun-daun herba yang diperolehi daripada hutan-hutan sekitar Kuala Betis.

Selain daripada aktiviti pertanian dan memungut hasil hutan, masyarakat Orang Asli kaum Temiar ini juga terdiri daripada kakitangan kerajaan iaitu berkhidmat sebagai guru, pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan sebagainya. Antara lain, Masyarakat Orang Asli ini juga terlibat dengan lain-lain pekerjaan selain daripada kakitangan kerajaan dan kerja sendiri. Ada diantara mereka yang bekerja sebagai buruh ladang, buruh binaan dan sebagainya sebagai sumber pendapatan tambahan mereka.

KELANTAN



BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang hasil dapatan dan kesimpulan serta cadangan dalam kajian yang telah dijalankan. Objektif kajian ini adalah untuk mencari keseluruhan yang berkaitan sumber ekonomi masyarakat Orang Asli Kaum Temiar di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Seramai 50 orang responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat secara keseluruhannya.

5.2 PERBINCANGAN

Ekonomi tradisional bagi masyarakat Orang Asli adalah berasaskan kepada aktiviti pertanian sara diri. Mereka mengeluarkan hasil tanaman seperti padi huma, sekoi, jagung, ubi, pisang, keladi dan pelbagai jenis sayur-sayuran seperti labu, kacang panjang, timun, kacang bendi, dan sebagainya. Di kalangan masyarakat Orang Asli, bertukar-tukar bahan makanan, perkhidmatan dan keperluan-keperluan lain dilakukan secara berkongsi dan sistem barter. Tidak ada urusan secara jual beli dan secara tunai dilakukan. Sistem ekonomi seperti ini telah membantu menjalinkan kemesraan yang lebih akrab di kalangan mereka.

Aktiviti memburu dan menangkap ikan merupakan sebahagian daripada aktiviti ekonomi Orang Asli. Kegiatan memburu pada dasarnya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja dan peralatan pemburuan mereka boleh didapati di dalam hutan. Binatang-binatang seperti monyet, babi hutan, burung, biawak, tupai dan binatang-binatang kecil yang lain diburu sebagai sumber makanan. Selain daripada sumpitan, jenis perangkap juga digunakan.

Manakala dari segi aktiviti menangkap ikan merupakan kegiatan penting yang dijalankan oleh Orang Asli, di mana ikan merupakan sumber utama protien bagi mereka. Keadah menangkap ikan yang terkenal ialah jerat, lukah, kail, racun akar tuba, tombak, jaring dan menangkap dengan tangan.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa sumber ekonomi masyarakat Orang Asli Kaum Temiar di Kuala Betis,Gua Musang adalah hasil pertanian. Mereka masih lagi mengamalkan sistem pertanian pindah-randah. Tanah-tanah pertanian ditanam

untuk beberapa musim sahaja antara jenis-jenis tanaman yang ditanam termasuklah padi bukit, ubi kayu, ubi keledek, pisang dan lain-lain tanaman saradiri. Selain daripada itu terdapat juga tanah yang telah ditanam dengan getah.

Melalui aktiviti pertanian yang dijalankan ini juga, mereka menerima bantuan subsidi oleh kerajaan iaitu memperolehi baja, anak benih dan dari segi khidmat nasihat daripada pegawai tentang cara-cara menanam, teknik-teknik penjagaan dan sebagainya. Selain daripada itu, Mereka menjalankan aktiviti memungut hasil hutan seperti mencari rotan, kayu gaharu, akar-akar kayu dan daun-daun herba yang diperolehi daripada hutan-hutan sekitar Kuala Betis. Mereka juga memperolehi sumber makanan daripada hasil buruan seperti rusa, ayam hutan, burung dan sebagainya.

Selain daripada aktiviti pertanian, masyarakat Orang Asli kaum Temiar ini juga terdiri daripada kakitangan kerajaan iaitu berkhidmat sebagai guru, pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan sebagainya. Walaubagaimanapun golongan yang menjawat jawatan sebagai kakitangan kerajaan adalah sedikit, mereka juga mampu berdikari sendiri.

Antara lain, Masyarakat Orang Asli ini juga terlibat dengan lain-lain pekerjaan selain daripada kakitangan kerajaan dan kerja sendiri. Ada diantara mereka yang bekerja sebagai buruh ladang, buruh binaan dan sebagainya sebagai sumber pendapatan tambahan mereka.

Hasil kajian membincangkan bahawa pengkaji dapat mengetahui tentang sumber pendapatan serta jenis-jenis pekerjaan yang dijalankan oleh penduduk masyarakat Orang Asli Kaum Temiar di Kuala Betis.

5.3 PURATA PENDAPATAN

Analisis menunjukkan 100 peratus responden telah bebas daripada garisan kemiskinan iaitu pendapatan bulanan melebihi RM200. Hal ini telah menunjukkan bahawa peningkatan dalam pendapatan mereka jika dibandingkan pendapatan dahulu jauh berbeza.

Pengkaji mendapati bahawa, kerajaan memberi RM500 setiap bulan kepada setiap keluarga masyarakat Orang Asli di Kuala Betis. Justeru itu, pendapatan sebulan masyarakat Orang Asli semakin bertambah dan dalam keadaan stabil untuk kehidupan harian mereka.

Masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis dari segi sumber pendapatan mereka tidak menjadi masalah. Selain itu, sektor pekerjaan pertanian, memungut hasil hutan dan memburu serta sebagainya hanyalah pekerjaan sambilan untuk mendapatkan lebih pendapatan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

5.4 CADANGAN

Masyarakat Orang Asli perlu diberikan tumpuan supaya mereka boleh berusaha untuk memajukan dan membangunkan masyarakat dengan lebih berdikari tanpa mendapatkan sebarang bantuan untuk meningkatkan ekonomi mereka. Sikap terlalu memanjakan dan memberi pelbagai jenis bantuan perlu diubah agar masyarakat ini pandai mencari peluang-peluang yang disediakan kepada mereka. Segala kemudahan dan bantuan-bantuan lain yang diberikan secara percuma akan menjadikan masyarakat ini lebih malas berusaha. Tindakan yang paling penting ialah menjalankan usaha-usaha menyedarkan minda masyarakat Orang Asli ini terlebih dahulu sebelum menyusun strategik pembangunan kepada mereka. Dengan itu, penglibatan pihak kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), dan sebagainya yang bertanggungjawab adalah amat penting dalam melaksanakan beberapa cadangan yang disarankan.

Pertama, mewujudkan program – program kesedaran minda dikalangan kanak-kanak, remaja dan dewasa. Contohnya, kem motivasi, kempen kesihatan, motivasi jatidiri, ceramah pembangunan wanita, masyarakat dan keluarga, kursus kepimpinan, dan sebagainya. Antara pihak yang terlibat adalah pihak sekolah, pakar-pakar motivasi yang terhebat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga, Kementerian Kesihatan dan pihak yang bertanggungjawab.

Selain itu, pendedahan ibubapa tentang teknik mendidik anak-anak supaya dapat mengurangkan gejala yang tidak sihat. Secara tidak langsung, dapat memberi kesedaran bahawa ibubapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak tentang

pentingnya pelajaran dan pendidikan. Antara yang terlibat adalah pihak sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian pendidikan, dan sebagainya

Seterusnya, usaha-usaha komersial dapat dijalankan untuk menarik pelancong melawat ke perkampungan masyarakat Orang Asli. Hal ini dapat membantu sektor pendapatan ekonomi masyarakat Orang Asli. Contohnya, barangankraftangan, hasil tanaman seperti ubi kayu boleh dijadikan kerepek, akar-akar kayu boleh dihasilkan menjadi minyak dan sebagainya. Antara pihak yang terlibat Kementerian Pertanian seperti FAMA, RISDA, MARDI, dan KADA.

Selain itu juga, mewujudkan perkampungan budaya yang bertujuan untuk mempamerkan kesenian dan kebudayaan masyarakat Orang Asli dari setiap suku kaum bagi menarik pelancong. Seperti bersewang, pantang larang, dan sebagainya. Contohnya di Sarawak telah wujud satu perkampungan budaya dan dapat menarik pelancong dari luar dan dalam. Antara pihak yang bertanggungjawab adalah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Jabatan Warisan Negara, dan pihak sekolah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan yang terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Melayu. Suku Senoi, Negrito dan Proto-Melayu pula diklasifikasikan kepada enam suku kecil. Disebabkan pelbagai suku kaum di kalangan masyarakat Orang Asli, terdapat banyak perbezaan dari segi cara hidup dan pertuturan bahasa yang digunakan. Kebudayaan dan adat resam mereka juga berbeza-beza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Bilangan mereka yang kecil menyebabkan kedudukan dan kepentingan mereka dalam politik Negara mudah dipinggirkan.

Kaum Temiar merupakan bangsa yang bernaung di bawah suku kaum Senoi. Penempatan rumpun bangsa Temiar yang teramai adalah di daerah Gua Musang, Kelantan yang menganjur hingga ke sempadan Perak dan Kelantan. Ekonomi merupakan salah satu ilmu sosial yang mempelajari aktiviti manusia yang berhubungan dengan produksi, pertukaran dan konsumsi barang. Ekonomi tradisional bagi masyarakat Orang Asli adalah berdasarkan kepada aktiviti pertanian sara diri.

Terdapat beberapa pengkaji dahulu yang telah menjalankan kajian tentang masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Secara tidak langsung, dapat mengetahui pelbagai sumber ekonomi dan kehidupan masyarakat Orang Asli. Selain itu, memperolehi taburan masyarakat Orang Asli mengikut etnik dan jumlah keseluruhan penduduk serta demografi penduduk mengikut negeri di Semenanjung Malaysia.

Selain itu juga, orang Negrito lebih mendiami kawasan pendalaman di Perak dan Kelantan manakala orang Senoi lebih suka mendiami di lereng titiwangsa iaitu di

pendalaman Negeri Perak, Kelantan dan Pahang serta orang Proto-Melayu tinggal berjiran dengan Orang Melayu di Pahang, Perak, Johor dan Selangor.

Secara tradisi, masyarakat Orang Asli hidup dalam kumpulan kecil yang terdiri dari 10 hingga 50 pasangan yang sudah berumahtangga. Walaubagaimanapun ada sebahagian mereka yang masih hidup secara berpindah-randah, tetapi kebanyakan daripadanya sudah menetap di kampung seperti Orang Melayu.


Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang sumber ekonomi masyarakat Orang Asli adalah menggunakan kaedah kajian lapangan seperti borang soal selidik, temubual, pemerhatian dan kaedah sumber pustaka.

Secara kesimpulan, sumber ekonomi masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan masih lagi menjalankan aktiviti pertanian saradiri. Aktiviti pertanian yang mereka masihkekalkan sehingga sekarang adalah sistem berpindah-randah. Hal ini kerana, tapak tanaman sering berubah-ubah tempat selepas setiap musim seperti musim padi, buah-buahan dan sebagainya.

Dari segi sektor pekerjaan pula, masyarakat Orang Asli kaum Temiar di Kuala Betis, mempunyai pelbagai pekerjaan yang dilakukan. Antaranya, aktiviti pertanian, hal ini kerana aktiviti pertanian adalah salah satu pekerjaan utama mereka dan barulah melakukan aktiviti sampingan seperti memungut hasil hutan, memburu, dan sebagainya

Antara lain, sumber mata pencarian tambahan masyarakat Orang Asli kaum Temiar adalah aktiviti memungut hasil hutan seperti mencari rotan, kayu gaharu, akar-akar kayu dan daun-daun herba yang diperolehi daripada hutan-hutan sekitar Kuala Betis.

Selain daripada aktiviti pertanian dan memungut hasil hutan, masyarakat Orang Asli kaum Temiar ini juga terdiri daripada kakitangan kerajaan yang berkhidmat sebagai guru, pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan sebagainya. Antara lain, Masyarakat Orang Asli ini juga terlibat dengan lain-lain pekerjaan selain daripada kakitangan kerajaan dan kerja sendiri. Ada diantara mereka yang bekerja sebagai buruh ladang, buruh binaan dan sebagainya sebagai sumber pendapatan tambahan mereka.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BIBLIOGRAFI

- Carey, I. (1975). "Orang Asli: The Aboriginal tribes Of Peninsular Malaysia", Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- (1961). "Tengleq Kui Serek", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dentan, R.K. (1968). "The Semai: A non-violent people of Malaysia", London Holt, Reinhart and Winston.
- Dunn, F.L. (1975). "Rain-Forest Collectors and traders", A study of Resourse Utilization in Modern and Ancient Malaya, Kuala Lumpur: Percetakan Mas Sdn.Bhd.
- Gomes, A. G. (1987). "Masyarakat Semai Di Perak: Satu Tinjauan Etnografi Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia II", anjuran bersama Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Jurusan Antropologi UNPAD dan Fakulti Sosial Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 8 dan 9 Jun 1987.
- William-Hunt. (1952). "An Introduction to The Malayan Aborigines", Kuala Lumpur.
- Ruddle, K.R. (1970) "The Yukpa Autosubsistense System: A study of Shifting Cultivation in Venezuela", University of California: in Dissertation Abstracts International, vol.31 no. 7.

Bahan Yang Tidak Diterbitkan

- Abdullah Hassan. (1969), "kajian Fonologi-Morfologi Bahasa Orang-orang Asli Melayu Dialek Temuan", Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Abd. Halim Ashaari. (1983/84), "Pembangunan dan Perubahan di Kalangan Orang Asli: Satu Kajian Kes Terhadap Orang Semai di Daerah Batang Padang, Perak", Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Azarina Binti Basri. (2003). " *Pembangunan Sosio-Ekonomi Orang Asli Suku Kaum Temuan Di Kg. Bukit Cheeding, Kuala Langat Banting, Selangor*", Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Elwa Neta Itam Wali. (1998). " *Kajian Sosio – Ekonomi Orang Semai di Perak*", Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Nor Hafisah Ismail.(2000/2001), " *Perkembangan Sosio – Ekonomi Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia*", Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noor Zamani Mohd. Noor. (1998/99), " *Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Dalam Perubahan Sosio – Ekonomi Masyarakat Orang Asli*", Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur : Univesiti Malaya.
- Ruhaida Mohd Shohor. (1995/96), " *Masyarakat Orang Asli : Penilaian Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Dalam Pelaksanaan Program – program Pendidikan Orang Asli*", Latihan Ilmiah. Kuala lumpur: Universiti Malaya.
- Tan Sok Fong. (1991/1992), " *Kesan Pemodenan Terhadap Institusi Adat Resam dan Sistem Nilai Masyarakat Semai : Satu Pemerhatian*", Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tunisan binti Seman. (2001/2002). " *Kajian Sosio-Ekonomi Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes Terhadap Masyarakat Orang Asli Di Penempatan Batu 12 Gombak, Selangor*", Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zaiton Mohd Shaharom. (1973/74), " *Sistem Kekeluargaan dan Perkahwinan Orang – orang Semai di Kawasan Bandar Runding, Mukim Tapak, Perak*", Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zakariah Bin Awang. (1974/1975), " *Sistem Pengeluaran Masyarakat Siwong*", Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN 1**PERTANIAN UNTUK SARADIRI****Gambar 5.1 : Pokok buah mangga***(Sumber : Kajian Lapangan, 2011)***Gambar 5.2: Pokok buah nangka***(Sumber : Kajian Lapangan, 2011)***Gambar 5.3 : Tanaman pokok pisang***(Sumber : Kajian Lapangan, 2011)*

LAMPIRAN 2**PERTANIAN UNTUK PASARAN LUAR**


Gambar 5.4 : Pokok buluh rotan

(Sumber : Kajian Lapangan, 2011)



Gambar 5.5 : Pokok Racun

(Sumber : Kajian Lapangan, 2011)



Gambar 5.6 : Ladang Getah

(Sumber : Kajian Lapangan, 2011)

LAMPIRAN 3**BORANG SOAL SELIDIK SUMBER EKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI
KAUM TEMIAR DI KUALA BETIS, GUA MUSANG, KELANTAN.****BAHAGIAN A : Maklumat Responden**

Tanda (/) di dalam petak dengan jawapan yang sesuai. Segala kerjasama yang diberikan oleh anda didahului dengan terima kasih.

1. Jantina : Lelaki Perempuan
2. Umur : 0-20 21-30 31-40 41ke atas
3. Agama : Islam Buddha Kristian
 Lain-lain, nyatakan: _____
4. Status : Bujang Duda Janda Berkahwin

BAHAGIAN B : Kegiatan Ekonomi

5. Sumber pendapatan selain daripada bantuan kerajaan

- | | |
|--------------------------|----------------------------|
| <input type="checkbox"/> | Kerja Sendiri |
| <input type="checkbox"/> | Kakitangan Kerajaan |
| <input type="checkbox"/> | Lain-lain, nyatakan: _____ |

6. Tujuan aktiviti melalui kegiatan kerja sendiri dilakukan

- | | |
|--------------------------|----------------------------|
| <input type="checkbox"/> | Pasaran |
| <input type="checkbox"/> | Kegunaan sendiri |
| <input type="checkbox"/> | Lain-lain, nyatakan: _____ |

7. Jenis pekerjaan

- Pertanian
- Memungut hasil hutan
- Memburu
- Lain-lain, nyatakan: _____

8. Jumlah pendapatan sebulan

- RM500 ke bawah
- RM500 – RM1000
- RM1000 – RM2000
- RM2000 ke atas

BAHAGIAN C : Penempatan

9. Adakah jenis rumah kediaman anda rumah kampung

- Ya
- Tidak

10. Adakah rumah yang anda duduk dibina sendiri

- Ya
- Tidak

11. Adakah dinding rumah anda menggunakan papan

- Ya
- Tidak

12. Adakah di rumah anda menggunakan generator

- Ya
- Tidak

13. Adakah sumber bekalan air di rumah anda dari sungai

- Ya
- Tidak

14. Adakah rumah anda mempunyai tandas

- Ya
- Tidak

BAHAGIAN D : Penggunaan dan Kemampuan

1. Tanda (/) di ruang berkenaan:

JENIS	ADA	TIADA
Peti sejuk		
Set kusyen		
Dapur gas		
Periuk elektrik		
Televisyen		
Radio		

Lain-lain, nyatakan: _____

2. Perbelanjaan

JENIS	JUMLAH (RM)
Makanan/ Bulanan	
Pakaian / Tahunan	
Pendidikan / Bulanan	
Pengangkutan / Bulanan	
Bil. Utiliti	
Lain-lain/ Bulanan	

KELANTAN

BAHAGIAN E : Kepuasan Kehidupan

ARAHAN : setiap item di bawah, anda dikehendaki memilih salah satu daripada lima (5) aras persetujuan dengan cara membulatkan skala jawapan yang disediakan.

PANDUAN
1. Sangat Tidak Setuju (STS)
2. Tidak Setuju (ST)
3. Tidak Pasti (TP)
4. Setuju (S)
5. Sangat Setuju (SS)

19.	Saya suka pekerjaan sekarang berbanding dahulu	1	2	3	4	5
20.	Pendapatan sebulan dapat menampung kehidupan seharian	1	2	3	4	5
21.	Pelajaran anak-anak terjamin dengan bantuan kerajaan	1	2	3	4	5
22.	Tempat tinggal sekarang amat selesa berbanding dahulu	1	2	3	4	5
23.	Saya sangat berpuas hati dengan kehidupan sekarang	1	2	3	4	5
24.	Suasana kampung sekarang yang lebih baik berbanding dahulu sebelum kerajaan memberikan bantuan	1	2	3	4	5
25.	Kehidupan sekarang banyak memberikan penyakit kepada penduduk	1	2	3	4	5